



PELAN STRATEGIK KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI 2019 – 2023

“PENERAJU PENGURUSAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI SECARA MAMPAN
UNTUK KESEJAHTERAAN NEGARA”



KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI

Wisma Sumber Asli

No. 25 Persiaran Perdana, Presint 4

62574 Putrajaya, Malaysia

Tel: +603 8000 8000

Fax: +603 8889 2672

Emel: webmaster@kats.gov.my

Hak Cipta Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli, 2019

Hak Cipta Terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk sama ada dengan elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran daripada Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli terlebih dahulu.

Diterbitkan oleh
KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI
Wisma Sumber Asli
No. 25 Persiaran Perdana, Presint 4,
62574 Putrajaya, Malaysia

ISI KANDUNGAN

Ringkasan Eksekutif	i
Perutusan YB Menteri KATS	ii
Perutusan Ketua Setiausaha KATS	iii
BAHAGIAN I: PENGENALAN	
Latar Belakang	1
Rakan Strategik dan Pihak Berkepentingan	3
Analisis Persekitaran	4
BAHAGIAN II: HALA TUJU STRATEGIK	
Visi, Misi dan Objektif	6
Nilai-Nilai Bersama	7
Cabaran dan Halatuju	8
Teras-Teras Strategik	9
Pelan Tindakan	
Teras 1 : Memperkasakan pengurusan air ke arah kesejahteraan negara	15
Teras 2 : Memperkasakan pengurusan tanah, ukur dan geospatial sebagai nadi pembangunan ke arah kesejahteraan negara	27
Teras 3 : Memantapkan pengurusan sumber asli ke arah pembangunan yang mampan	36
Teras 4 : Memantapkan pengurusan tadbir urus ke arah kecemerlangan organisasi	47
Faktor Kritikal Kejayaan	53
Penutup	54
Akronim	55

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik KATS 2019-2023 telah dihasilkan secara kolektif dan bersepadu oleh semua setiausaha bahagian, ketua unit serta ketua pengarah jabatan, agensi dan syarikat di bawah seliaan KATS. Pembangunan pelan ini adalah penting dalam menentukan hala tuju strategik ke arah mencapai visi KATS sebagai Peneraju Pengurusan Air, Tanah dan Sumber Asli Secara Mampan untuk Kesejahteraan Negara.

Pelan strategik ini dihasilkan berlandaskan kepada tiga kerangka utama iaitu agenda kerajaan yang meliputi Rancangan Malaysia ke-Sebelas (RMK-11), dasar dan polisi semasa kerajaan serta agenda pembangunan mampan negara melalui sustainable Development Goals (SDG). Kepentingan dan keutamaan pengurusan air, tanah dan sumber asli dalam ketiga-tiga perkara tersebut diterjemahkan kepada hala tuju KATS serta strategi dan program KATS bagi tempoh 5 tahun bermula tahun 2019 sehingga tahun 2023.

Sepanjang tempoh ini, KATS memberikan keutamaan dalam pelaksanaan 4 teras strategik iaitu; 1. Memperkasakan Pengurusan Air ke Arah Kesejahteraan Negara; 2. Memperkasakan Pengurusan Tanah, Ukur dan Geospasial sebagai Nadi Pembangunan ke Arah Kesejahteraan Negara; 3. Memantapkan Pengurusan Sumber Asli ke Arah Pembangunan Mampan; dan 4. Memantapkan Pengurusan Tadbir Urus ke Arah Kecemerlangan Organisasi.

Keempat-empat teras strategik ini diolah dalam 10 bidang keutamaan, 59 strategi dan 128 program yang turut mengambil kira peranan dan pengaruh rakan strategik dan pihak berkepentingan KATS bagi memenuhi harapan dan tuntutan semasa.

Setiap program turut dinyatakan bersama indikator, sasaran dan peneraju bagi memastikan perancangan KATS dilaksanakan secara teratur dan sistematik serta memudahkan pemantauan dari semasa ke semasa dilaksanakan bagi memenuhi komitmen KATS dan pada masa yang sama seiring dengan hasrat ke arah merealisasikan kesejahteraan negara melalui pengurusan air, tanah dan sumber asli yang mampan.

PERUTUSAN YB MENTERI KATS

Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) sebagai sebuah Kementerian baharu telah diberi amanah dan tanggungjawab dalam menerajui pengurusan air, tanah dan sumber asli di Malaysia. Hasil penggabungan tiga fungsi utama ini memberi cabaran yang besar kepada KATS dalam memastikan kesejahteraan rakyat dipelihara seiring dengan pembangunan mampan sektor air, tanah dan sumber asli. Komitmen dan kecekapan yang tinggi amat penting bagi memastikan fungsi-fungsi ini dapat diurus tadbir dengan baik.

Penghasilan Pelan Strategik KATS 2019-2023 merupakan langkah permulaan yang baik dan mencerminkan kesungguhan KATS menghasilkan bukan sahaja *output* jangka pendek malahan juga *comprehensive outcomes* yang terperinci dan mempunyai hala tuju yang jelas, selari dengan objektif, misi dan visi KATS selain mempunyai nilai tambah kepada penerima manfaat.

Saya juga berharap dengan adanya Pelan Strategik KATS 2019-2023 ini, KATS menjadi sebuah Kementerian yang *responsive* kepada rakyat dan dapat memenuhi ekspektasi *stakeholder* dan pelanggan serta kekal relevan untuk memenuhi kehendak dan keperluan semasa juga tuntutan di masa akan datang. Pelan Strategik ini juga diharapkan menjadi panduan dan rujukan kepada warga kerja KATS dalam menghadapi cabaran mendatang dengan kekal berada di landasan yang sebenar dalam menerajui perkhidmatan air, tanah dan sumber asli.

Tahniah diucapkan kepada warga KATS atas penghasilan Pelan Strategik KATS 2019-2023. Semoga matlamat dan hasrat penghasilan pelan strategik ini dapat dicapai dalam tempoh yang dirancang serta membawa kebaikan kepada semua.

Sekian, terima kasih.

DR. XAVIER JAYAKUMAR
MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI

PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA KATS

Pelan Strategik KATS 2019-2023 memperincikan strategi dan pelan tindakan yang perlu dilaksanakan oleh Kementerian dalam tempoh lima (5) tahun sehingga tahun 2023. Sebagai sebuah Kementerian dengan portfolio yang baharu, perancangan yang baik dan rapi menjadi sandaran KATS dalam memastikan segala cabaran dalam pengurusan air, tanah dan sumber asli dapat diatasi dengan efektif dan bijaksana supaya tidak tersasar daripada hala tuju dan objektif Kementerian.

Penetapan Pelan Strategik KATS 2019-2023 ini juga menggunakan pendekatan berasaskan keberhasilan dan penilaian impak kepada kumpulan sasaran disamping memberi keutamaan kepada program-program yang direncanakan di bawah Rancangan Malaysia ke-Sebelas (RMK-11). Penstrukturan semula Kementerian dan kajian semula dasar-dasar sedia ada Kementerian telah dan sedang dilaksanakan dalam memastikan pengurusan air, tanah dan sumber asli secara bersepadu dapat dilaksanakan dengan penggunaan sumber yang cekap dan optimum berteraskan dasar, undang-undang dan komitmen antarabangsa.

Pelan Strategik KATS 2019-2023 ini merupakan rujukan bagi semua organisasi di bawah KATS untuk memastikan strategi dan program yang dirancang dapat dilaksanakan mengikut tempoh dan mencapai sasaran yang ditetapkan. Besarlah harapan saya untuk melihat pihak berkepentingan yang lain juga turut sama-sama menjadikan dokumen ini sebagai rujukan bagi mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan air, tanah dan sumber asli memandangkan pengurusan air, tanah dan sumber asli bukan sahaja terhad kepada KATS malah peranan ini memerlukan kerjasama dan komitmen yang berterusan daripada pelbagai pihak.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penyediaan Pelan Strategik KATS 2019-2023. Semoga dengan adanya pelan ini, matlamat utama KATS sebagai peneraju pengurusan air, tanah dan sumber asli secara mampan untuk kesejahteraan Malaysia dapat dilaksanakan dengan jayanya.

ZURINAH PAWANTEH
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI

Bahagian |
PENGENALAN

LATAR BELAKANG
PELANGGAN DAN RAKAN STRATEGIK
ANALISIS PERSEKITARAN

LATAR BELAKANG

Penstrukturan semula Kabinet pada 2 Julai 2018 telah membawa kepada penubuhan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) yang bertanggungjawab terhadap pengurusan air, tanah dan sumber asli. KATS mempunyai 18 jabatan/agensi serta 17 bahagian/unit seperti berikut:

JABATAN-JABATAN

1. Bahagian Bekalan Air (BBA)
2. Jabatan Perkhidmatan Pembedungan (JPP)
3. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)
4. Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM)
5. Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG)
6. Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)
7. Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN)
8. Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)
9. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM)
10. Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)
11. Jabatan BioKeselamatan (JBK)
12. Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)

BADAN BERKANUN

13. Lembaga Ahli Geologi Malaysia (BoG)
14. Lembaga Juruukur Tanah (LJT)
15. Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah (Malaysia)
16. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)

SYARIKAT

17. Indah Water Konsortium (IWK)
18. Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB)

BAHAGIAN/ UNIT

1. Bahagian Perkhidmatan Air dan Pembedungan (BAP)
2. Bahagian Sumber Air, Saliran dan Hidrologi (BSH)
3. Bahagian Tanah, Ukur dan Pemetaan (BTUP)
4. Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI)
5. Bahagian Mineral dan Geosains (BMG)
6. Bahagian Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan (BBP)
7. Bahagian Pembangunan (BP)
8. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPM)
9. Bahagian Pentadbiran dan Kewangan (BPKN)
10. Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM)
11. Bahagian Akaun (BA)
12. Unit Perancangan Strategik dan Antarabangsa (UPSA)
13. Unit Audit Dalam (UAD)
14. Unit Undang-undang (UUU)
15. Unit Komunikasi Korporat (UKK)
16. Unit Integriti (UI)
17. Unit KPI

RAKAN STRATEGIK DAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Rakan strategik dan pihak berkepentingan memainkan peranan penting dan penentu kejayaan sebenar strategi KATS. Setiap strategi yang dirancang telah mengambil kira implikasi ke atas rakan strategik dan pihak berkepentingan KATS. Adalah menjadi keutamaan KATS untuk memastikan setiap proses kerja dan strategi KATS dipacu secara bersepadu dan seiring dengan harapan, tuntutan, keperluan, keupayaan dan aspirasi rakan strategik serta pihak berkepentingan seperti yang dinyatakan:

RAKAN STRATEGIK

- Kementerian/ Agensi luar
- Warga KATS
- Jabatan/Agensi/Badan Berkanun/Syarikat di bawah KATS
- Orang Awam

PIHAK BERKEPENTINGAN

- Ahli-ahli Parlimen
- Pertubuhan Serantau/ Antarabangsa
- Kerajaan Negeri/Asing/Luar Negara
- Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)
- Orang Awam

ANALISIS PERSEKITARAN

Bertanggungjawab dalam pengurusan air, tanah dan sumber asli, KATS sentiasa berusaha melaksanakan aspirasi kerajaan, mematuhi komitmen antarabangsa dan memenuhi ekspektasi pelanggan.

RANCANGAN MALAYSIA KE-SEBELAS (RMK-11)

Pelan Strategik ini tertumpu dan berpandukan kepada bidang fokus utama KATS yang selaras dengan bidang fokus Rancangan Malaysia ke-Sebelas (RMK-11), 2016-2020 di mana tiga (3) tonggak menjadi panduan dalam perancangan pelan strategik KATS iaitu:



TONGGAK III
Menuju ke arah
pembangunan wilayah yang
seimbang



TONGGAK V
Mempertingkatkan
kemampuan alam sekitar
melalui pertumbuhan hijau



TONGGAK VI
Memperkukuh pertumbuhan
ekonomi

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDGs)

Pada 25 September 2015, Malaysia bersama 192 negara daripada Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah bersetuju untuk menerima pakai *Sustainable Development Goals* (SDGs) yang bertujuan untuk menamatkan kemiskinan, melawan ketidaksamaan dan ketidakadilan, dan menangani perubahan iklim menjelang tahun 2030. Empat (4) matlamat SDGs yang menjadi komitmen KATS adalah seperti berikut:



ANALISIS PERSEKITARAN

Dalam memastikan KATS sentiasa kompeten dalam melaksanakan fungsi Kementerian, beberapa dasar strategik telah digubal dan dijadikan sebagai garis panduan dalam memastikan kelestarian pengurusan air, tanah dan sumber asli negara.

DASAR SUMBER AIR NEGARA

22 FEBRUARI 2012

Jaminan keselamatan dan kelestarian sumber air hendaklah menjadi keutamaan negara untuk memastikan air yang mencukupi dan selamat untuk semua, melalui penggunaan secara lestari, pemuliharaan dan pengurusan sumber air yang berkesan dengan satu mekanisme perkongsian bersama yang melibatkan semua pihak berkepentingan.

DASAR MINERAL NEGARA 2

JANUARI 2009

Meningkatkan sumbangan sektor mineral kepada pembangunan sosio-ekonomi negara melalui pembangunan sumber mineral negara yang lestari, efisien serta bertanggungjawab di samping penggunaan sumber mineral secara optimum.

DASAR PERHUTANAN NEGARA

1978 (PINDAAN 1992)

Memelihara serta mengurus hutan negara berdasarkan prinsip-prinsip pengurusan secara berkekalan dan melindungi alam sekitar serta memelihara kepelbagaian hayat dan sumber-sumber genetik.

DASAR KEPELBAGAIAN BIOLOGI KEBANGSAAN 2016-2025

22 FEBRUARI 2016

Memulihara biodiversiti, menggalakkan penggunaannya secara lestari dan memastikan perkongsian faedah yang adil dan saksama hasil daripada penggunaan sumber biologi.

BAHAGIAN II

HALA TUJU STRATEGIK

**VISI, MISI DAN OBJEKTIF
NILAI-NILAI BERSAMA
CABARAN DAN HALATUJU
TERAS-TERAS STRATEGIK
PELAN TINDAKAN**

VISI

Peneraju Pengurusan Air, Tanah dan Sumber Asli Secara Mampan untuk Kesejahteraan Negara.

MISI

Menerajui Pengurusan Air, Tanah dan Sumber Asli Secara Bersepadu dengan Penggunaan Sumber yang Cepak dan Optimum Berteraskan Dasar, Undang-Undang dan Komitmen Antarabangsa.

OBJEKTIF

Menyediakan perkhidmatan yang efisien dalam pengurusan air, tanah dan sumber asli melalui:

- Mekanisme tindakan bersepadu merangkumi penggubalan dasar, perundangan dan pengukuhan kolaborasi strategik melibatkan semua pihak berkepentingan di semua peringkat;
- Penguatkuasaan undang-undang, intervensi dan komitmen antarabangsa;
- Penjanaan ekonomi melalui aktiviti pengurusan air, tanah dan sumber asli yang mampan;
- Pengukuhan inisiatif pemuliharaan pelbagai sektor;
- Pembangunan modal insan yang optimum dan pengurusan kewangan yang cekap; dan
- Pemerkasaan kepakaran, perkongsian maklumat, teknologi dan perkhidmatan perundingan dalam *Research, Development, Innovation and Commercialisation* (RDIC).

NILAI BERSAMA

INTEGRITI

Melaksanakan amanah dan kuasa yang dipertanggungjawabkan demi kepentingan awam dan bukan kepentingan diri sendiri.

INOVASI

Melaksanakan penambahbaikan proses kerja serta menjalankan setiap tugas dan tanggungjawab yang diberi secara kreatif.

KERJA BERPASUKAN

Tidak melakukan kerja secara *silo* dan saling membantu dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberi.

KECEMERLANGAN

Mengekalkan tahap kecemerlangan dan pencapaian yang unggul, terbaik dan tertinggi dalam semua aspek.

URUS TADBIR YANG BAIK

Melaksanakan tindakan dan keputusan yang mendatangkan kelebihan dan manfaat kepada Negara dan rakyat serta melindungi hak pihak berkepentingan.

CABARAN DAN HALA TUJU

KEWANGAN

Mengoptimumkan perancangan dan perbelanjaan ke arah perbelanjaan berhemah.

SUMBER MANUSIA

Meningkatkan kepakaran warga KATS dalam bidang air, tanah dan sumber asli.

PERUNDANGAN

Meningkatkan pematuhan terhadap undang-undang nasional dan antarabangsa.

INFRASTRUKTUR

Usahasama berpanjangan dengan agensi-agensi dalam dan luar negara bagi percambahan idea, perkongsian maklumat, kepakaran dalam *soft and hard infrastructure*.

KOLABORASI

- Meningkatkan kerjasama dan usahasama antara Kementerian dan Kerajaan Negeri.
- Meningkatkan kerjasama dan usahasama antarabangsa.

ORANG AWAM

- Meningkatkan kesedaran tentang air, tanah dan sumber asli.
- Meningkatkan penglibatan orang awam dalam usaha-usaha Kementerian.

TERAS 1: MEMPERKASAKAN PENGURUSAN AIR KE ARAH KESEJAHTERAAN NEGARA

BIDANG KEUTAMAAN I: SUMBER AIR

- STRATEGI 1 Memperkasakan pengurusan sumber air yang berkesan dan berkekalan.
- STRATEGI 2 Mengurangkan risiko bencana berkaitan air, kesiapsiagaan dan respon.
- STRATEGI 3 Memperkasakan kepakaran, perkongsian maklumat dan perkhidmatan perundingan dalam *Research, Development, Innovation & Commercialisation* (RDIC) berkaitan air.
- STRATEGI 4 Memperkukuhkan Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (CEPA).

BIDANG KEUTAMAAN II: BEKALAN AIR DAN PEMBETUNGAN

- STRATEGI 1 Memantapkan pelaksanaan kerangka dasar dan kawal selia air.
- STRATEGI 2 Meningkatkan keupayaan kewangan syarikat air dan pembedugan ke arah *full cost recovery*.
- STRATEGI 3 Memperkasa hala tuju pembiayaan modal aset (CAPEX) air dan pembedugan.
- STRATEGI 4 Meningkatkan keberkesanan tadbir urus pengawalseliaan.
- STRATEGI 5 Membangunkan kemampunan ekonomi industri perkhidmatan air dan pembedugan.
- STRATEGI 6 Memperkasa penyelidikan dan pembangunan dalam bidang perkhidmatan air dan pembedugan.
- STRATEGI 7 Memperkukuhkan jaringan antarabangsa dalam perkhidmatan bekalan air dan pembedugan.
- STRATEGI 8 Memastikan kapasiti sumber dan bekalan air yang mencukupi.

STRATEGI 9	Mensejahterakan pembangunan guna tanah di kawasan tadahan air.
STRATEGI 10	Memperkasa pelaksanaan program pengurangan kadar air tidak berhasil (NRW).
STRATEGI 11	Meningkat dan menaiktaraf sistem agihan air.
STRATEGI 12	Memperkasa pelaburan dalam kerja-kerja naik taraf loji rawatan air.
STRATEGI 13	Meningkatkan kawasan liputan melalui peluasan sistem agihan.
STRATEGI 14	Memastikan keselamatan infrastruktur bekalan air berdasarkan garis panduan MyDAMS.
STRATEGI 15	Memantapkan fungsi JBA sebagai pusat teknikal empangan.
STRATEGI 16	Memperluaskan pelaksanaan pengurusan permintaan air bersepadu (WDM).
STRATEGI 17	Peningkatan liputan perkhidmatan pembedungan.
STRATEGI 18	Meningkatkan kelestarian sumber air dan alam sekitar.
STRATEGI 19	Memperkasa pembangunan ekonomi industri pembedungan yang berdaya maju.

TERAS-TERAS STRATEGIK : TERAS 2

TERAS 2: MEMPERKASAKAN PENGURUSAN TANAH, UKUR DAN GEOSPATIAL SEBAGAI NADI PEMBANGUNAN KE ARAH KESEJAHTERAAN NEGARA

BIDANG KEUTAMAAN I: TANAH

- STRATEGI 1 Memantapkan pengurusan dan pentadbiran tanah secara efektif dan berkesan.
- STRATEGI 2 Pembangunan sistem pentadbiran tanah yang lebih moden.

BIDANG KEUTAMAAN II: UKUR DAN GEOSPATIAL

- STRATEGI 1 Memantapkan pengurusan persempadanan darat dan maritim negara secara inklusif.
- STRATEGI 2 Memperkukuhkan pengurusan dan perkhidmatan ukur kadaster negara.
- STRATEGI 3 Meningkatkan penyampaian perkhidmatan ukur, pemetaan dan geospacial bagi memenuhi keperluan pelanggan dan pemegang taruh.
- STRATEGI 4 Meningkatkan penjanaan ekonomi dalam perkhidmatan berasaskan lokasi.

BIDANG KEUTAMAAN III: PERKONGSIAN MAKLUMAT GEOSPATIAL

- STRATEGI 1 Memantapkan tadbir urus geospacial.
- STRATEGI 2 Memperkukuhkan infrastruktur dan penyampaian perkhidmatan perkongsian maklumat geospacial.

BIDANG KEUTAMAAN IV: LATIHAN TANAH, UKUR DAN PEMETAAN

- STRATEGI 1 Menambahbaik latihan pentadbiran tanah, ukur dan pemetaan.

TERAS 3: MEMANTAPKAN PENGURUSAN SUMBER ASLI KE ARAH PEMBANGUNAN MAMPAN

BIDANG KEUTAMAAN I: MINERAL & GEOSAINS

- STRATEGI 1 Memperkasa pengurusan sumber mineral yang komprehensif untuk memacu pertumbuhan ekonomi negara.
- STRATEGI 2 Memantapkan pelaksanaan perkhidmatan geosains berkepakaran tinggi ke arah pembangunan mampan dan peningkatan kesejahteraan hidup.
- STRATEGI 3 Memantapkan dasar, perundangan, peraturan dan garis panduan serta penguatkuasaan berkaitan mineral dan geosains.
- STRATEGI 4 Memperkukuhkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) bidang mineral.

BIDANG KEUTAMAAN II: BIODIVERSITI

- STRATEGI 1 Mengukuhkan kerangka institusi.
- STRATEGI 2 Mengukuhkan kerangka dasar dan perundangan.
- STRATEGI 3 Memperkasakan pengurusan kawasan terestrial dan air daratan.
- STRATEGI 4 Meningkatkan pengurusan hidupan liar melalui kerjasama strategik di peringkat antarabangsa.
- STRATEGI 5 Meningkatkan Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (CEPA).
- STRATEGI 6 Memantapkan pelaksanaan dan penguatkuasaan Akta Biokeselamatan 2007.

BIDANG KEUTAMAAN III: PERHUTANAN

- STRATEGI 1 Mengukuhkan kerangka dasar dan perundangan perhutanan.
- STRATEGI 2 Mengekalkan 50% litupan kawasan hutan negara.
- STRATEGI 3 Mendapatkan pengiktirafan agensi dan amalan pengurusan hutan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- STRATEGI 4 Memulihara spesies flora terancam.
- STRATEGI 5 Melaksanakan RDIC bagi memantapkan pengurusan sumber hutan dan menangani kesan perubahan iklim.
- STRATEGI 6 Mengembangkan industri perkayuan dan hasil semulajadi secara mampan.
- STRATEGI 7 Melindungi dan memulihara ekosistem paya laut dan pesisiran pantai.

TERAS 4: MEMANTAPKAN PENGURUSAN TADBIR URUS KE ARAH KECEMERLANGAN ORGANISASI

BIDANG KEUTAMAAN I: TADBIR URUS ORGANISASI

- | | |
|-------------|---|
| STRATEGI 1 | Memantapkan tadbir urus Kementerian ke arah pengurusan kewangan yang cekap dan mampan. |
| STRATEGI 2 | Memantapkan proses pemilihan pegawai yang berpotensi bagi mengisi jawatan strategik Kementerian / Jabatan. |
| STRATEGI 3 | Mengenal pasti pegawai yang memenuhi kriteria untuk diiktiraf sebagai pegawai Pakar Bidang Khusus (SME). |
| STRATEGI 4 | Menyelaras perancangan projek-projek pembangunan KATS mengikut <i>rolling plan</i> di bawah rancangan Malaysia RMK-11 dan RMK-12. |
| STRATEGI 5 | Memperkasakan perkhidmatan digital bersepadu dan berpacuan data. |
| STRATEGI 6 | Menyediakan infrastruktur dan infostruktur teknologi pengurusan maklumat yang bersepadu, berintegriti, tahan lasak, selamat dan mudah lentur (<i>flexible</i>). |
| STRATEGI 7 | Meningkatkan kecekapan tadbir urus dan ketelusan penyampaian perkhidmatan. |
| STRATEGI 8 | Meningkatkan tahap keperibadian sahsiah warga Kementerian sebagai insan yang terpuji. |
| STRATEGI 9 | Memantapkan tadbir urus Kementerian dengan pengukuhan organisasi. |
| STRATEGI 10 | Memantapkan penglibatan KATS dalam perdagangan dan <i>Trade Sustainable Development (TSD)</i> . |

Teras 1

MEMPERKASAKAN PENGURUSAN AIR
KE ARAH KESEJAHTERAAN NEGARA

BIDANG KEUTAMAAN:

SUMBER AIR

BEKALAN AIR DAN PEMBETUNGAN

PENGENALAN

Pengurusan air secara terancang menjadi sebuah agenda pembangunan yang penting di Malaysia kerana air merupakan salah satu keperluan hidup manusia. Pengurusan air yang baik bermula daripada pengurusan sumber air yang mampan, pengurusan bekalan air yang cekap dan pengurusan pembetungan yang lestari.

Pengurusan air di Malaysia melibatkan pelbagai jabatan dan agensi yang beroperasi secara sektoral bergantung kepada peranan, tanggungjawab dan perundangan sedia ada. Secara umumnya, bidang kuasa air terletak dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri. Sehingga tahun 2005, senarai perundangan Perlembagaan Persekutuan telah meletakkan perkara-perkara berkaitan dengan bekalan dan perkhidmatan air daripada Senarai Negeri kepada Senarai Bersama kecuali bagi Sabah dan Sarawak.

Teras ini memberi penekanan kepada aspek penambahbaikan terhadap dasar dan perundangan berkaitan air di Negara ini selain memperkasakan organisasi melalui pengukuhan bahagian/ jabatan/ agensi/ badan berkanun/ syarikat/ institusi yang terlibat. Pendekatan struktur dan bukan struktur dilaksanakan dalam pengurusan sumber air, bekalan air dan pembetungan seiring dengan keperluan memenuhi tuntutan masa kini dan masa akan datang.

Usaha-usaha ini diterajui oleh beberapa bahagian, jabatan, agensi, badan berkanun, syarikat dan institusi yang bertanggungjawab secara spesifik untuk merancang, melaksana dan mengawal semua program berkaitan pengurusan air. Institusi penyelidikan juga memainkan peranan bagi menghasilkan kajian dan produk yang lebih berinovasi dan berupaya menyelesaikan permasalahan yang membelenggu masyarakat.

BIDANG KEUTAMAAN I: SUMBER AIR

STRATEGI 1: Memperkasakan pengurusan sumber air yang berkesan dan berkekalan				
PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN	TAHUN SASARAN	PENERAJU/BAHAGIAN/JABATAN
P1: Memperkukuhkan dasar berkaitan penggunaan, pemuliharaan, pengawalan dan tadbir urus sumber air	Bilangan Mesyuarat Majlis Air Negara (MAN)	Sekurang-kurangnya 1 Mesyuarat MAN dilaksanakan setiap setahun	2019-2023	BSH
	Penggubalan Dasar Air Negara	1 Dasar Air Negara diwujudkan	2019-2021	BSH BAP JPS
	Penggubalan Rang Undang-Undang Sumber Air (RUU SA)	RUU SA dibentangkan di Parlimen	2019 –2020	BSH JPS
P2: Peningkatan jaminan sumber air dari segi kuantiti dan kualiti	Bilangan Pelan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM)	25 pelan IRBM	2019-2021	JPS
	Bilangan pembangunan <i>National Water Balance System</i> (NAWABS)	18 NAWABS	2019-2023	JPS
STRATEGI 2: Mengurangkan risiko bencana berkaitan air, kesiapsiagaan dan respon				
PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN	TAHUN SASARAN	PENERAJU/BAHAGIAN/JABATAN
P1: Memperkukuhkan kesiapsiagaan dan respon terhadap bencana berkaitan air	Bilangan sistem ramalan dan amaran awal banjir dibangunkan	38 sistem ramalan dan amaran awal banjir lembangan sungai	2019-2023	JPS
	Bilangan pelan-pelan komprehensif dan penyelidikan bagi mengurangkan risiko bencana	59 pelan merangkumi pelan induk dan peta <i>hazard</i> banjir (8), PISMA (16), ISMP (10) & IRBM (25)	2019-2023	JPS

	Bilangan lokasi penyelidikan impak dan respon kenaikan aras laut terhadap keselamatan dan aset pantai negara	10 lokasi penyelidikan	2019-2023	NAHRIM
	Bilangan kajian kesan perubahan iklim terhadap sumber air	13 kajian	2019-2023	NAHRIM
P2: Menyediakan dan melaksanakan pelan dan kerja-kerja mitigasi bencana berkaitan air	Bilangan projek mitigasi bencana	66 projek mitigasi bencana	2019- 2023	JPS
	Panjang sungai yang dipulihara	5,000 km	2019- 2023	JPS
	Panjang pantai yang dilindungi	30 km	2019- 2023	JPS
	Penggubalan Rang Undang-Undang Keselamatan Struktur Empangan	Satu draf Rang Undang-undang Keselamatan Empangan disediakan	2019-2023	BSH JPS
STRATEGI 3: Memperkasakan kepakaran, perkongsian maklumat dan perkhidmatan perundingan dalam <i>Research, Development, Innovation & Commercialisation (RDIC)</i> berkaitan air				
PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN	TAHUN SASARAN	PENERAJU/BAHAGIAN/JABATAN
P1: Memperkuhkan Organisasi NAHRIM	Penjenamaan semula NAHRIM	1 kajian semula fungsi NAHRIM	2019-2020	NAHRIM
P2: Mempergiatkan aktiviti penyelidikan dan inovasi berkaitan air	Bilangan pelaksanaan penyelidikan produk hidraulik bagi industri sumber air	10 teknologi/ produk dihasilkan	2019 – 2023	NAHRIM
	Bilangan produk inovasi yang mendapat pengiktirafan	7 pengiktirafan produk inovasi bertaraf kebangsaan dan antarabangsa	2019 – 2023	NAHRIM
	Bilangan pembentangan kertas penyelidikan	60 kertas penyelidikan di program bertaraf kebangsaan dan antarabangsa	2019 – 2023	NAHRIM

P3: Mempergiatkan aktiviti perkhidmatan perundingan (konsultasi)	Bilangan perkhidmatan perundingan	20 perkhidmatan perundingan	2019 – 2023	NAHRIM
P4: Memperkukuhkan mekanisme pembiayaan penyelidikan berkaitan air	Peratus pembiayaan penyelidikan	20% pembiayaan bukan kerajaan/ agensi lain	2019 – 2023	NAHRIM
P5: Memperkukuhkan mekanisme perkongsian maklumat berkaitan air	Bilangan pembangunan sistem maklumat sumber air bersepadu	Satu sistem maklumat sumber air bersepadu disediakan dan boleh digunakan	2019 – 2023	JPS

STRATEGI 4: Memperkukuhkan Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (CEPA)

PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN	TAHUN SASARAN	PENERAJU/ BAHAGIAN/ JABATAN
P1: Memperkukuh hubungan kerjasama Antarabangsa	Bilangan penganjuran Mesyuarat MoU <i>Cooperation Malaysia & PRC in Water Resources</i>	1 Mesyuarat JSC MoU sekurang-kurangnya sekali setahun	2019-2023	BSH
	Bilangan Penganjuran Mesyuarat MoU <i>Malaysia & Thailand in Golok Rivermouth Development Programme</i>	1 Mesyuarat JSC MoU sekurang-kurangnya sekali untuk setiap 2 tahun	2019-2023	BSH
	MoU Malaysia & Thailand dalam Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) Sg. Golok ditandatangani	Draf MoU dimuktamadkan dan ditandatangani pada 2023	2023	BSH JPS
P2: Memperkukuh kerjasama dengan pemegang taruh	Bilangan <i>Public Outreach Program (POP)</i>	23 bilangan POP	2019-2023	BSH JPS NAHRIM SPAN

BIDANG KEUTAMAAN II: BEKALAN AIR DAN PEMBETUNGAN

STRATEGI 1: Memantapkan pelaksanaan kerangka dasar dan kawal selia air				
PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN	TAHUN SASARAN	PENERAJU/ BAHAGIAN/ JABATAN
P1: Memuktamadkan penstrukturan semula perkhidmatan bekalan air negara	Memuktamadkan penstrukturan semula perkhidmatan bekalan air	4 negeri menandatangani perjanjian utama	2020	BAP
P2: Pelaksanaan Dasar Air Negara	Bilangan pelan tindakan yang dilaksanakan	2 pelan tindakan dilaksanakan	2023	BAP
P3: Memperkasakan pelaksanaan dan penyediaan <i>Water Safety Plan</i> (WSP)	Peratus loji yang melaksanakan WSP	100% loji rawatan air	2023	SPAN
STRATEGI 2: Meningkatkan keupayaan kewangan syarikat air dan pembedungan ke arah full cost recovery				
PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN	TAHUN SASARAN	PENERAJU/ BAHAGIAN/ JABATAN
P1: Pengenalan mekanisme penetapan tarif air (<i>Tariff Setting Mechanism – TSM</i>) Fasa 1: 2019 - 2023	Peraturan caj dan kadar TSM	Peraturan caj dan kadar TSM diwartakan	2019-2023	BAP SPAN
	Peningkatan margin keuntungan operator air & pembedungan	Kategori: Negeri A: 8% Negeri B: 6% Negeri C: 5% Negeri D: 3% Operator pembedungan: 5%	2020-2023	SPAN
	Bilangan operator air yang mengguna pakai <i>Tariff Setting Mechanism</i> (TSM)	11 operator air 3 operator pembedungan	2020 2023	SPAN

P2: Pengukuhan Pengurusan Pendapatan	Peratus Pengebilan Mencapai 100%	100% bil air dikeluarkan	2020: 95% 2023: 100%	SPAN
		100% bil pembetulan dikeluarkan	2020: 100%	
	Meningkatkan kecekapan kutipan	99% kutipan air	2020: 80% 2023: 99%	SPAN
		92% kutipan pembetulan	2020 : 90% 2023 : 92%	
P3: Pembangunan sistem penandaarasan kecekapan operasi pengeluaran air terawat	Peratus pembangunan piawaian kecekapan operasi pengeluaran air terawat	100% piawaian dihasilkan	2020 : 50% 2023: 100%	SPAN
STRATEGI 3: Memperkasakan hala tuju Pembiayaan Modal Aset (CAPEX) air dan pembetulan				
PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN	TAHUN SASARAN	PENERAJU/BAHAGIAN/JABATAN
P1: Mengkaji semula model perniagaan PAAB	Kajian semula model perniagaan PAAB disediakan	Laporan kajian disediakan	2020	BAP PAAB
STRATEGI 4: Meningkatkan keberkesanan tadbir urus pengawalseliaan				
PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN	TAHUN SASARAN	PENERAJU/BAHAGIAN/JABATAN
P1: Pengukuhan pengawalseliaan melalui pemantapan perundangan perkhidmatan bekalan air	Status Pindaan Akta 655 dan 654	Pewartaan Akta 655 dan Akta 654	2020	BAP SPAN
	Pembangunan dan penguatkuasaan Kaedah, Peraturan dan Garis Panduan Industri Perkhidmatan Air dan Pembetulan	Kaedah dan Peraturan Perkhidmatan Air	2020-2023	
P2: Kajian semula garis panduan rekabentuk loji rawatan air dan pembetulan	Rekabentuk loji untuk PE <10,000	1 garis panduan disediakan	2020	BAP SPAN
	Semakan semula MSIG	1 semakan		
	Semakan semula MWA <i>Design Guideline</i>	1 semakan		

STRATEGI 5: Membangunkan kemampuan ekonomi industri perkhidmatan air dan pembedungan				
PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN	TAHUN SASARAN	PENERAJU/ BAHAGIAN/ JABATAN
P1: Pelaksanaan bil bersepadu air dan pembedungan	Bilangan syarikat air melaksanakan pengebilan bersepadu bersama IWK	5 negeri	2023	BAP SPAN
P2: Pengalihan tanggungjawab penyelenggaraan aset pembedungan di premis Kerajaan	Bilangan kementerian yang menyerah tanggungjawab penyelenggaraan	12 kementerian	2020	BAP IWK
		24 kementerian	2023	
P3: Mewujudkan integrasi perkhidmatan bekalan air dan pembedungan	Bilangan entiti tunggal peringkat negeri	2 syarikat	2023	BAP SPAN IWK
STRATEGI 6: Memperkasa penyelidikan dan pembangunan dalam bidang perkhidmatan air dan pembedungan				
PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN	TAHUN SASARAN	PENERAJU/ BAHAGIAN/ JABATAN
P1: Membangunkan kolaborasi strategik dalam penyelidikan dan pembangunan	Bilangan kajian	3 kajian disiapkan: i. Kajian semula model penstrukturan ii. Dasar dan hala tuju perkhidmatan pembedungan iii. Tahap keberkesanan badan kawal selia	2020	BBA JPP NAHRIM SPAN PAAB IWK

STRATEGI 7: Memperkukuhkan jaringan antarabangsa dalam perkhidmatan bekalan air dan pembedungan				
PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN	TAHUN SASARAN	PENERAJU/ BAHAGIAN/ JABATAN
P1: Penganjuran seminar/ mesyuarat/ forum/ persidangan dalam pembangunan kepakaran perkhidmatan air dan pembedungan	Bilangan seminar/ mesyuarat/ forum/ persidangan	3 seminar/ mesyuarat/forum/ persidangan <ul style="list-style-type: none"> • <i>National Conference on Water & Sewerage</i> • <i>Malaysia-Netherlands Water Dialogue</i> • <i>Malaysia-Korea Industry Forum</i> 	Tahunan	BAP BBA JPP SPAN PAAB IWK
STRATEGI 8: Memastikan kapasiti sumber dan bekalan air yang mencukupi				
PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN	TAHUN SASARAN	PENERAJU/ BAHAGIAN/ JABATAN
P1: Meningkatkan kapasiti sumber air dan air terawat.	Minimum rizab margin	Rizab margin sekurang-kurangnya 15%	2023	SPAN BBA
P2: Mempertingkatkan penggunaan kolam takungan air sebagai sumber air.	Jumlah kapasiti yang disediakan	1040 juta liter sehari (JLH)	2023	BBA
STRATEGI 9: Mensejahterakan pembangunan guna tanah di kawasan tadahan air				
PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN	TAHUN SASARAN	PENERAJU/ BAHAGIAN/ JABATAN
P1: Pengurusan pelan kawasan tadahan yang mampan	Pencemaran sumber air yang berkurang	Mematuhi Standard Kelas II <i>A Malaysian Water Quality Standard</i>	2023	JPS
	Penambahan keluasan pewartaan kawasan tadahan air	Luas kawasan	2023	JPSM

STRATEGI 10: Memperkasa pelaksanaan program pengurangan Kadar Air Tidak Berhasil (NRW)				
PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN	TAHUN SASARAN	PENERAJU/ BAHAGIAN/ JABATAN
P1: Pelaksanaan program NRW Nasional melalui: <u>Pendekatan 1:</u> Membangun/ menaik taraf fasiliti asas bagi pengukuran NRW yang tepat. <u>Pendekatan 2:</u> Pelaksanaan NRW secara holistik	Pengurangan kadar NRW	Pengurangan kadar NRW	2020	BBA SPAN PAAB
		28%	2023	
STRATEGI 11: Meningkatkan dan menaiktaraf sistem agihan air				
PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN	TAHUN SASARAN	PENERAJU/ BAHAGIAN/ JABATAN
P1: Meningkatkan pelaksanaan program penukaran paip usang seluruh negara	Jumlah panjang paip yang ditukar	1,962 km	2023	SPAN PAAB
STRATEGI 12: Memperkasa pelaburan dalam kerja-kerja naik taraf Loji Rawatan Air (LRA)				
PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN	TAHUN SASARAN	PENERAJU/ BAHAGIAN/ JABATAN
P1: Menaiktaraf LRA bagi meningkatkan kecekapan pengeluaran bagi memenuhi permintaan	Nisbah kapasti reka bentuk sama dengan kebolehan pengeluaran	1:1	2023	PAAB

STRATEGI 13: Meningkatkan kawasan liputan melalui peluasan sistem agihan				
PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN	TAHUN SASARAN	PENERAJU/BAHAGIAN/JABATAN
P1: Meningkatkan kawasan liputan melalui peluasan sistem agihan	Nisbah kapasti reka bentuk sama dengan kebolehan pengeluaran	1:1	2023	PAAB
P2: Melaksanakan pelan jaringan sistem agihan air dalam negeri	Penyambungan loji-loji rawatan air melalui rangkaian sistem agihan air	Sistem agihan dihubungkan: 50%	2020	SPAN PAAB
		80%	2023	
STRATEGI 14: Memastikan keselamatan infrastruktur bekalan air berdasarkan garis panduan MyDAMS				
PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN	TAHUN SASARAN	PENERAJU/BAHAGIAN/JABATAN
P1: Pelaksanaan audit keselamatan dan penilaian operasi empangan kritikal di seluruh Malaysia	Bilangan laporan audit setahun	8 kali audit setahun	2023	BBA
STRATEGI 15: Memantapkan fungsi JBA sebagai pusat teknikal empangan				
PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN	TAHUN SASARAN	PENERAJU/BAHAGIAN/JABATAN
P1: Pengukuhan dan pemantapan fungsi sebagai pusat kepakaran empangan	Pengukuhan struktur organisasi sedia ada	Struktur organisasi baru tersedia	2023	BBA
	Bilangan latihan kompetensi	2 sesi/tahun	2023	BBA

STRATEGI 16: Memperluaskan pelaksanaan pengurusan permintaan air bersepadu (Water Demand Management – WDM)				
PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN	TAHUN SASARAN	PENERAJU/ BAHAGIAN/ JABATAN
P1: Mengurangkan kadar penggunaan air domestik	Kadar penggunaan air per kapita sehari	liter/kapita/sehari 200	2020	SPAN
		180	2023	
P2: Meningkatkan penggunaan produk kecekapan air	Penggunaan produk cekap air yang dimandatorikan	4 produk	2020	SPAN
	Peluasan jumlah pembekal berdaftar melalui skim Pelabelan Produk Cekap Air (WEPLS)	2 sesi/tahun	2030	SPAN
STRATEGI 17: Peningkatan liputan perkhidmatan pembetungan				
PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN	TAHUN SASARAN	PENERAJU/ BAHAGIAN/ JABATAN
P1: Memperluaskan liputan perkhidmatan pembetungan	Peratus liputan perkhidmatan pembetungan bersambung terutama di bandar utama	80%	2020	JPP
		85%	2023	SPAN IWK
P2: Perluasan perkhidmatan ke kawasan yang belum diserahkan hak operasi dan penyelenggaraan	Bilangan pihak berkuasa tempatan yang serah hak operasi dan penyelenggaraan	14 pihak berkuasa tempatan/jajahan - MBBJ - MPPG - Kelantan (12 jajahan)	2020 : 2 PBT 2023: PBT & Jajahan	JPP SPAN IWK
STRATEGI 18: Meningkatkan kelestarian sumber air dan alam sekitar				
PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN	TAHUN SASARAN	PENERAJU/ BAHAGIAN/ JABATAN
P1: Pengawasan pencemaran kumbahan yang berkesan	Loji rawatan kumbahan patuh kepada piawai kualiti efluen yang ditetapkan dalam Peraturan Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 (Para I)	85% loji daripada Para II dan Para III dinaiktaraf kepada kategori Para I	2023	JPP IWK

P2: Pengurangan bilangan loji-loji yang tidak efisien	Bilangan loji yang dirasionalisasi	163 loji	2023	JPP IWK
P3: Pembangunan sistem rawatan kumbahan alternatif	Bilangan sistem rawatan kumbahan alternatif yang dibangunkan	1 projek perintis	2023	
P4: Pembangunan fasiliti kitar semula air kumbahan untuk kegunaan industri	Bilangan fasiliti yang dibangunkan	1 <i>water reclamation plant</i> dibangunkan		
	Kuantiti air kitar semula yang dihasilkan	250 MLD		

STRATEGI 19: Memperkasa pembangunan ekonomi industri pembetungan yang berdaya maju

PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN	TAHUN SASARAN	PENERAJU/BAHAGIAN/JABATAN
P1: <i>Pemeriksaan brownfield development</i>	Cadangan pembangunan semula tanah rezab pebetungan yang dirasionalisasi secara usahasama awam swasta a) < 10,000 kaki persegi b) > 10,000 kaki persegi	> 5 cadangan yang dipersetujui untuk pelaksanaan	2023	KATS SPAN JPP
P2: <i>Waste to wealth</i>	a) Cadangan <i>eco-friendly product (biosolids & biogas)</i> yang dihasilkan menggunakan hasil terawat enapcemar b) Bilangan kontrak penjualan <i>bioeffluent</i> untuk tujuan tidak diminum (<i>non potable</i>)	5 kontrak	2020	KATS IWK
		10 kontrak	2023	
P3: <i>Trade effluent</i>	Bilangan kontrak yang dijalin antara IWK dan industri	40 kontrak	2023	IWK SPAN
P4: <i>Tariff Setting</i>	Semakan semula tarif pebetungan (ke arah <i>volumetric</i>)	Kadar tarif pebetungan baru	2020	KATS IWK SPAN

Teras 2

MEMPERKASAKAN PENGURUSAN TANAH,
UKUR DAN GEOSPATIAL SEBAGAI
NADI PEMBANGUNAN KE ARAH
KESEJAHTERAAN NEGARA

BIDANG KEUTAMAAN:

TANAH
UKUR DAN GEOSPATIAL
PERKONGSIAN MAKLUMAT GEOSPATIAL
LATIHAN TANAH, UKUR, DAN PEMETAAN

PENGENALAN

Pengurusan tanah melibatkan proses yang kompleks. Tanah melibatkan aspek kedaulatan negara, proses pembangunan ekonomi dan infrastruktur, pelaburan dan peniagaan, perlindungan etnik dan minoriti, keperluan hidup, adat resam dan kebudayaan serta hak-hak individu dan masyarakat. Hal ini menjurus kepada peningkatan ekspektasi pelanggan terhadap perkhidmatan tanah yang baik.

Penambahbaikan dalam penyampaian perkhidmatan pentadbiran tanah negara menerusi khidmat nasihat, inisiatif penyeragaman dasar, perundangan dan peraturan berkaitan berhubung pentadbiran dan pengurusan tanah di peringkat persekutuan dan negeri adalah menjadi keutamaan masa kini.

Teras ini menumpukan aspek pendigitalan dan pembangunan infrastruktur asas pengurusan tanah dan geospasial menjadi keutamaan bagi memenuhi tuntutan dan perubahan semasa serta cabaran-cabaran yang semakin mendesak terutamanya terhadap perkembangan ICT yang pesat. Kepentingan pembangunan modal insan turut diberi penekanan selaras dengan hasrat menambak perkhidmatan awam yang cekap, efisien dan efektif sebagai tulang belakang pelaksanaan dasar-dasar negara.

Memandangkan pengurusan tanah bukan tertakluk kepada bidang kuasa Kerajaan Persekutuan semata-mata, bahagian, jabatan dan institusi yang dipertanggungjawabkan sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dan tempatan dalam memastikan kelancaran penyaluran perkhidmatan kepada pelanggan.

BIDANG KEUTAMAAN I: TANAH

STRATEGI 1: Memantapkan pengurusan dan pentadbiran tanah secara efektif dan berkesan

PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN	TAHUN SASARAN	PENERAJU/BAHAGIAN/JABATAN
